

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (K) 1-2015

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang telah diperbadankan pada 31 Mac 2005. Pada 20 November 2013, Perayu telah mengimport 4 unit *Agricultural Loader Model Super Bull (4WD) G-1100 (Agricultural Loader)* yang telah siap dipasang dengan *bucket* dari Syarikat Talythong, Thailand. Bentuk fizikal *Agricultural Loader* tersebut adalah seperti di dalam Katalog di bawah:



2. Di dalam Borang Kastam No. 1, Perayu telah mengikrar *Agricultural Loader* tersebut di bawah kod tarif 8701.10.11.00 *Customs Duties (Goods of ASEAN Countries Origin) (ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature And ASEAN Trade in Goods Agreement) Order 2012* (bersamaan dengan kod tarif 8701.10 100 Perintah Duti Kastam 2012) tetapi telah dipinda oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kuching, Sarawak kepada kod tarif 8704.21.21.10 (8704.21 210) yang tertakluk kepada duti import 30% dan cukai jualan 10%. Perayu tidak berpuas hati dengan kod tarif yang ditetapkan dan telah membayar duti import dan cukai jualan secara bantahan.

3. Atas permohonan JKDM, Kuching pada 22 Julai 2014, Ketua Pengarah Kastam (KPK) setelah mendapat pandangan *World Customs Organization* (WCO) telah mengeluarkan satu keputusan Penjenisan Barang Kategori PC seperti berikut:
 - i. *Tractor designed for hauling interchangeable equipment* dipenjeniskan di bawah kod tarif 8701.90 900.
 - ii. *Tipping semi-trailer (bucket)* dipenjeniskan di bawah kod tarif 8716.39 000.
 - iii. *Mechanical appliance for spraying liquids (sprayer)* dipenjeniskan di bawah kod tarif 8424.81 000.
 - iv. *Fertiliser distributors (fertiliser spreader)* dipenjeniskan di bawah kod tarif 8424.40 000.
4. Semasa membuat keputusan penjenisan di atas, KPK bergantung kepada maklumat bahawa *Agricultural Loader* telah diimport di dalam bentuk *Semi Knock-down* iaitu bahagian hadapan kenderaan (bertanda "A") dan bahagian belakang (bertanda "B") bersama *bucket* (bertanda "C") adalah dalam keadaan terpisah. KPK telah mempenjeniskan bahagian hadapan *Agricultural Loader* sebagai *Tractor designed for hauling interchangeable equipment* di bawah kod tarif 8701.90 900 dan bahagian belakang *Agricultural Loader* bersama *bucket* sebagai *Tipping semi-trailer (bucket)* di bawah kod tarif 8716.39 000.
5. Perayu terkilan dengan keputusan penjenisan di atas dan telah mengemukakan rayuan kepada KPK. Menurut Perayu bahagian hadapan dan bahagian belakang adalah satu unit kenderaan kerana kedua-dua bahagian bercantum secara kekal semasa pengimportan dan kenderaan tersebut diguna di dalam sektor pertanian. Oleh itu bahagian hadapan bukan *Tractor designed for hauling interchangeable equipment* (8701.90 900) manakala bahagian belakang bukan

Tipping semi-trailer (bucket) (8716.39 000). Menurut Perayu, *bucket* adalah aksesori yang dipasang dengan menggunakan lapan biji *nut* pada bahagian belakang, justeru itu bahagian hadapan, bahagian belakang dan *bucket* hendaklah dipenjeniskan bersekali sebagai satu unit kenderaan iaitu *Agricultural Tractors* di bawah kod tarif 8701.90 100.

6. KPK telah merujuk persoalan yang dibangkitkan oleh Perayu kepada WCO untuk mendapat pandangan. Berpandukan pandangan WCO, KPK telah mengeluarkan keputusan Penjenisan Barang Kategori PC bertarikh 24 Disember 2014 di mana keputusan KPK bertarikh 22 Julai 2014 dibatalkan dan diganti dengan keputusan berikut:
 - i. *Tractor designed for hauling interchangeable equipment for agricultural use* dipenjeniskan di bawah kod tarif 8701.90 100.
 - ii. *Tipping semi-trailer (bucket)* dipenjeniskan di bawah kod tarif 8716.39 000.

7. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan KPK dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 13 Februari 2015. Perayu memohon remedi supaya bahagian belakang (*Tipping semi-trailer (bucket)*) dipenjeniskan bersekali dengan bahagian hadapan (*Tractor designed for hauling interchangeable equipment for agricultural use*) di bawah satu kod tarif iaitu 8701.90 100 atas alasan berikut:
 - i. *Tipping semi-trailer (bucket)* adalah sebahagian dari *Agricultural Loader*.
 - ii. Kod tarif 8716.39 000 adalah untuk *trailer* atau *semi-trailer* sedangkan *bucket* bukan sebuah *trailer* atau *semi-trailer*.

8. Berdasarkan keterangan saksi-saksi Perayu dan Responden semasa pendengaran, Tribunal telah membuat dapatan fakta berikut:

- i. Di dalam Nota Bab 2 kepada Bab 87 Perintah Duti Kastam 2012, "Traktor" didefinisikan sebagai "*vehicles constructed essentially for hauling or pushing another vehicle, appliance or load, whether or not they contain subsidiary provision for the transport, in connection with the main use of the tractor, of tools, seeds, fertilisers or other goods. Machines and working tools designed for fitting to tractors of heading 87.01 as interchangeable equipment remain classified in their respective headings even if presented with the tractor, and whether or not mounted on it*".
- ii. Bahawa semasa pengimportan, *Agricultural Loader* adalah dalam bentuk unit siap dipasang (CBU) seperti yang ditunjukkan di dalam gambar di atas iaitu bahagian hadapan (bertanda "A") telah siap bercantum dengan bahagian belakang (bertanda "B") di tempat bertanda "D" secara kekal.
- iii. Bahawa bahagian hadapan dan bahagian belakang adalah satu unit kenderaan (*Agricultural Loader*) yang boleh menjalankan tiga fungsi berlainan bergantung pada jenis aksesori yang dipasang. Fungsi pertama ialah untuk membawa muatan apabila *bucket* dipasang. Fungsi kedua sebagai penyembur racun. Ini berlaku apabila *spreader* dipasang. Fungsi ketiga sebagai *sprayer*. Ini berlaku apabila *sprayer* dipasang.
- iv. *Bucket*, *Sprayer* dan *Spreader* adalah aksesori yang dibuat khusus untuk kegunaan *Agricultural Loader* dan pemasangan mana-mana aksesori akan dilakukan di kilang pengeluar bergantung kepada permintaan Perayu. Dalam rayuan ini, *Agricultural Loader* telah siap dipasang dengan *bucket* (bertanda "C") yang dilekatkan pada bahagian belakang (bertanda "B") *Agricultural Loader*.

- v. Bahawa *Agricultural Loader* mempunyai *draw-bar* bagi membolehkan kenderaan menarik (*hauling*) *prodder* iaitu peralatan yang diguna untuk memupuk tanah. Akan tetapi sepanjang pengimportan, Perayu tidak pernah mengimport *Agricultural Loader* yang siap dipasang *prodder*.

ISU

1. Apakah kod tarif yang betul bagi barangan *Agricultural Loader (4WD) Super Bull G-1100*.

(Perayu berhujah bahawa dengan adanya *draw-bar* yang digunakan untuk menarik (*hauling*) *prodder* maka *Agricultural Loader* telah memenuhi definisi traktor iaitu “vehicles constructed essentially for hauling or pushing another vehicle, *appliance* or load, whether or not they contain subsidiary provision for the transport, in connection with the main use of the tractor, of tools, seeds, fertilisers or other goods”. *Agricultural Loader* juga memiliki sifat *hauling* apabila muatan di masukkan dalam *bucket* dan *pushing* apabila muatan di dalam *bucket* ditolak keluar. Bahawa *tipping semi-trailer (bucket)* dan traktor hendaklah dipenjeniskan sebagai satu unit iaitu dengan satu nombor kod tarif kerana *tipping semi-trailer (bucket)* bercantum secara kekal kepada traktor. Oleh itu *Agricultural Loader* sesuai dipenjeniskan sebagai *Agricultural Tractors* di bawah kod tarif 8701.90 100.

Responden pula berhujah apabila bahagian hadapan dan bahagian belakang adalah satu unit kenderaan, *Agricultural Loader* yang siap dipasang dengan *bucket* semasa pengimportan tidak sesuai di penjeniskan sebagai traktor kerana *Agricultural Loader* tersebut tidak memenuhi definisi traktor iaitu kegunaan utamanya bukan untuk *hauling* dan *pushing* kenderaan lain, peralatan atau muatan. Sifat *hauling* tidak dipenuhi kerana sepanjang pengimportan *Agricultural Loader*, Perayu tidak pernah mengimport *prodder*. Menurut

Responden aktiviti memasukkan muatan ke dalam *bucket* dan mengeluarkan muatan dari *bucket* dengan menggunakan *hydraulic jack* yang terletak di bawah *bucket* tidak memenuhi definisi *hauling* atau *pushing*. Walaupun *Agricultural Loader* mempunyai *draw-bar*, tetapi setelah mengambil kira fakta bahawa Perayu tidak pernah mengimport *prodder* bersekali dengan *Agricultural Loader* maka kegunaan utama *Agricultural Loader* semasa pengimportan ialah sebagai kenderaan pembawa barangan. Oleh itu kod tarif yang sesuai ialah 8704.21 210 (*Motor vehicles for transport of goods with gross vehicle weight not exceeding 5 tonnes new completely built-up*).

KEPUTUSAN

1. Tribunal mendapati *Agricultural Loader (4WD) Super Bull G-1100* telah diimport dalam bentuk CBU iaitu dengan *bucket* siap dipasang. Berdasarkan dapatan ini maka bahagian hadapan (bertanda "A") bukan sebuah traktor dan bahagian belakang (bertanda "B") bukan sebuah *tipping semi-trailer (bucket)*. Oleh itu bahagian hadapan dan bahagian belakang (tidak termasuk *bucket*) adalah satu unit yang membentuk sebuah kenderaan.
2. Kegunaan utama *Agricultural Loader Model Super Bull (4WD) G-1100* yang siap dipasang dengan *bucket* (bertanda "C") semasa pengimportan adalah untuk membawa muatan. Oleh itu kod tarif yang betul adalah 8704.21 210. Dengan itu keputusan Ketua Pengarah Kastam bertarikh 24 Disember 2014 diketepikan dan digantikan dengan kod tarif 8704.21 210 (*Motor vehicles for transport of goods with gross vehicle weight not exceeding 5 tonnes new completely built-up*).
3. Permohonan pulang-balik (*refund*) ditolak.
4. Rayuan ditolak.

13 Ogos 2015